

## Memacu minda Melayu

Utusan Malaysia – 14 Nov. 2006

*Ucapan perasmian Persidangan Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 13 November 2006*

Alhamdulillah, kita merafakkan syukur setulusnya ke hadrat Allah s.w.t. yang telah mengizinkan kita berhimpun di Dewan Merdeka penuh bersejarah. Pada tahun ini, perwakilan Wanita yang hadir, mewakili lebih 1.3 juta ahli dari seluruh negara.

Perwakilan Pemuda pula mewakili keahlian hampir 730,000 orang. Manakala perwakilan Puteri bagi pihak hampir 280,000 ahlinya.

Hakikatnya, semua yang berada di atas pentas ini dan saudara saudari di bawah, adalah pemimpin. Pemimpin kecil dan besar, baru serta lama, pemimpin profesional dan pemimpin berpengalaman. Kita di sini, dengan satu tekad dan satu perjuangan, demi membela agama, bangsa dan tanah air. Ketika ini juga, kita sebenarnya, mewakili suara-suara hati lebih 3.2 juta orang ahli UMNO. Secara umumnya, seramai hampir 16 juta orang Melayu pula, meletakkan harapan kepada kita untuk membela untung nasib mereka.

Dalam pada itu, pengundi dan rakyat telah memberi mandat yang besar kepada Barisan Nasional dengan UMNO sebagai parti terasnya untuk menerajui negara ini. Begitulah agungnya amanah yang kita junjung. Begitulah hebatnya tanggungjawab yang kita dukung. Begitulah tingginya harapan rakyat yang menggunung.

*Kain kasa lipatan Kedah,*

*Kain songket pakaian temenggung,*

*Berpuasa sudah beraya pun sudah,*

*Tiba masanya ke Perhimpunan Agung.*

*Nyiur gading mahligai puncak,*

*Ketupat pulut berisi inti,*

*Wanita anggun Pemuda segar,*

*Puteri pula tampak berseri.*

Terlebih dahulu, moleklah kita rakamkan ucapan tahniah kepada ketiga-tiga pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri di atas tanggungjawab melaksanakan mesyuarat di peringkat cawangan dan bahagian dengan sempurna.

Syabas kepada Wanita, Pemuda dan Puteri yang telah mencurahkan tenaga serta bakti dalam memastikan kemenangan pilihan raya kecil Pengkalan Pasir di Kelantan juga pilihan raya negeri Sarawak yang lalu. Apa yang pasti, setiap kali diperlukan, ketiga-tiga sayap dan tulang belakang parti ini, bingkis bangun menyahut seruan perjuangan supaya UMNO dan Barisan Nasional sentiasa memperoleh kejayaan.

## **Gigih**

Seperti mana lazimnya, Wanita terus menjadi tonggak kestabilan parti dengan sokongannya yang menyeluruh lagi berhikmah. Wanita sentiasa gigih menjayakan program di peringkat akar umbi, tetap berbakti dan berkorban demi kepentingan UMNO. Sesungguhnya komitmen Wanita dalam meramaikan mesyuarat cawangan dan pelbagai aktiviti parti sentiasa mengobarkan semangat perjuangan kita.

Pemuda pula mengorak langkah membela golongan yang ditimpa musibah di dalam mahupun di luar negara. Dengan tegas, Pemuda mengkritik ketidakadilan kuasa-kuasa besar serta pencabulan rejim Zionis yang tidak henti-henti menjadi punca kemelut di Timur Tengah. Kita yakin Pemuda akan terus menjadi benteng bagi menangkis sebarang serangan terhadap agenda Melayu.

Kita ingin sekali melihat, Puteri, terus diberikan sokongan padu oleh pimpinan semua peringkat. Puteri dengan pelbagai program, kempen, seminar dan kursus bergiat aktif di bandar sambil menyusur akar di desa.

Yang jelas, Puteri seperti mana juga Putera sebagai gerakan peremajaan parti sewajarnya menjadi platform utama bagi 'mengUMNOkan' golongan muda.

Wanita, Pemuda dan Puteri mesti cekal berterusan menterjemahkan suara hati nurani orang Melayu. Semarakkanlah api perjuangan melalui pelbagai aktiviti kreatif untuk manfaat seberapa ramai ahli parti dan rakyat. Oleh yang demikian, janganlah kita sebagai ahli, bak kata orang Kepala Batas 'cemuih' atau bak kata orang Pekan 'mamoi' untuk menyertai aktiviti yang direncanakan. Kita juga tidak akan membiarkan anak-anak buah 'bercempera' atau berselerak sebaliknya marilah kita sentiasa bergerak dalam satu saf yang mantap.

Pada tahun yang lalu, saya telah mengutarakan beberapa tindakan kepada ahli-ahli parti sebagai persiapan menjana Melayu Global. Melayu Global, adalah Melayu yang berakar nasional namun akalnya menerjah ke persada internasional. Maksudnya, di samping kita hebat dalam negara, kita juga cemerlang di arena antarabangsa. Lima tindakan tersebut merangkumi

penjanaan Melayu Global melalui ilmu dan pendidikan, penjanaan ekonomi untuk pembangunan, berpaksikan penghayatan agama, memperkuat jati diri melalui transformasi budaya dan memperkasakan politik berteraskan idealisme perjuangan.

Melayu Global yang dimaksudkan itu sudah pun ada contohnya. Pada tahun 1997, seramai 15 orang jurutera Petronas yang terdiri daripada anak-anak muda Melayu telah dihantar ke Switzerland untuk bekerja dan menimba pengalaman di syarikat Sauber yang terkenal dalam arena Formula One. Dalam masa setahun sahaja, mereka telah berjaya mencipta enjin prototaip yang telah diuji dalam kereta Lotus dan kemudian menghasilkan pula enjin komersial.

Alhamdulillah, enjin hasil ciptaan anak bangsa kita itu akan dikeluarkan secara besar-besaran apabila termeterainya satu usaha sama antara Petronas dengan sebuah syarikat automotif di negara China.

Anak-anak Melayu yang hebat ini seperti saudara dan saudari juga antaranya berasal dari Batu Pahat, Kota Tinggi, Rembau, Balik Pulau, Paka, Pasir Mas, Sandakan, Kuala Krai, Sg. Petani dan Mentakab. Mereka akan mewarnai persada antarabangsa. Inilah contoh Melayu Global yang kita banggakan.

Inilah Melayu Global yang kita idam- idamkan. Inilah modal insan berminda kelas pertama.

Pada 31 Mac 2006 yang lalu, Perdana Menteri telah membentangkan satu dokumen mutakhir negara iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Sebanyak RM220 bilion telah diperuntukkan dalam rancangan ini. RMK-9 untuk tempoh lima tahun dengan lengkapnya menggariskan dasar-dasar bersama strategi utama ke arah merealisasikan Misi Nasional. Misi ini mengutarakan lima teras iaitu meningkatkan ekonomi dalam rangkaian lebih tinggi, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif, meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti kehidupan serta mengukuh keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

Gagasan besar ini, secara keseluruhannya mengambil kira maslahat atau kepentingan semua rakyat Malaysia, agar tidak ada sesiapa pun yang tertinggal daripada arus perdana kepesatan pembangunan negara. Perancangan strategik yang dihamparkan oleh Perdana Menteri ini dengan jelas bertujuan mengangkat martabat rakyat.

Kini dalam RMK-9 agenda Melayu lebihtersurat. Ia bukan satu fatamorgana sebaliknya satu pelan implementasi yang komprehensif. Ia merangkumi pendidikan, penguasaan sains dan teknologi, pembangunan usahawan, pertanian berasaskan teknologi moden, pembasmian kemiskinan, mengurangkan jurang pendapatan, jurang kekayaan dan jurang antara wilayah.

Untuk itu, marilah kita sama-sama sebagai sebuah pasukan yang padu, mendukung kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam menterjemahkan hasrat besar ini.

Secara sedar ataupun tidak, menjelang tahun hadapan, akan berlangsunglah jubli emas kemerdekaan tanah air yang tercinta ini.

Sekiranya diibaratkan sebagai manusia, negara kita sudah pun menghampiri umur matang. Tempoh 50 tahun kita bebas daripada belenggu penjajah berlalu dengan pantas. Seandainya direnungkan, apa yang kita kecapai pada hari ini sukar untuk digarap oleh pemikiran ramai pada waktu itu kerana ada sesetengah pihak begitu sinis akan masa depan tanah air.

Walau apa pun, sejarah lima dekad telah merakamkan jutaan detik dan peristiwa penting yang meletakkan Malaysia di peta dunia. Rahsia kejayaan kita sememangnya terletak pada kekuatan kepimpinan penuh bijaksana dengan kehebatan pemikiran yang mendahului zaman. Tidak dapat dinafikan, apa jua yang dinikmati oleh kita hari ini, tidaklah berlaku dengan sendiri. Semuanya terhasil daripada perancangan yang rapi oleh tokoh-tokoh pemimpin negara.

## **Berkongsi**

Sebagai contoh, di bidang siasah kita telah memilih untuk berkongsi kuasa dan bukan memerintah secara bersendirian. Dalam bidang sosial pula, kita memilih konsep integrasi dan bukan konsep asimilasi. Pendekatan bijak inilah mencerminkan minda pemimpin Melayu yang berhikmah dan cemerlang.

Tambahan lagi, dalam keadaan dunia dibelenggu dengan peningkatan fahaman ekstremisme, keganasan serta perbezaan ideologi, Malaysia telah bersinar sebagai bukti bahawa keharmonian tetap boleh dikecapi meskipun sesebuah masyarakat itu berbilang bangsa, agama dan budaya.

Merujuk kepada senario antarabangsa, lihatlah sahaja kepada pergolakan yang berlaku di negara-negara lain serata dunia. Di Timur Tengah khususnya, kuasa-kuasa tertentu masih meneruskan agenda jahat menghalalkan pencerobohan kedaulatan negara lain. Mereka mencabul hak asasi manusia secara terbuka di atas nama "Peperangan Menentang Keganasan". Walau apa justifikasi mereka pun, dalam melancarkan peperangan, umum mengetahui bahawa itu semua hanyalah muslihat dan tipu daya belaka. Di negara mereka sendiri, rakyat sudah hilang kepercayaan terhadap pemimpin-pemimpin seperti ini dengan memberikan isyarat jelas melalui peti undi. Di Amerika Syarikat telah berlaku perubahan besar dalam landskap politik ekoran daripada kemarahan rakyat terhadap apa yang berlaku di Iraq.

Soalnya, jika mereka benar-benar ikhlas ingin menghapuskan keganasan dan menegakkan keadilan di muka bumi, mereka sewajibnya memilih untuk

menangani permasalahan hakiki dan rintihan sebenar (legitimate grievances) berhubung isu setempat seperti di Palestin, selatan Thailand dan selatan Filipina. Misalnya, di selatan Thailand, antara isu ialah tuntutan kebebasan mengamalkan cara hidup Islam dan peminggiran daripada arus perdana pembangunan. Di Palestin pula, isu sebenar adalah mengenai tanah air mereka yang dirampas oleh Yahudi Israel sejak tahun 1948 sekali gus menafikan hak asasi rakyatnya kepada sebuah negara yang berdaulat.

Di Asia Barat pula, kuasa-kuasa besar terus-terusan menjadi pembuli antarabangsa yang rakus, tidak langsung menghiraukan pandangan majoriti dunia. Mereka dengan angkuh mengamalkan sikap “yang kuat itu benar” dan amalan “bertindak dahulu, berbincang kemudian” demi kepentingan masing-masing. Inilah musibahnya apabila manusia memilih jalan untuk berperang, bermusuhan dan menolak kedamaian. Maka ambillah semua ini sebagai ibrah atau pengajaran. Kita sewajarnya memberikan tindak balas berasaskan rasional dan kefahaman global, bukannya berasaskan sentimen dan emosi dalam menangani isu antarabangsa.

Dari itu, hargailah kemakmuran dan perpaduan kaum sebagai satu aset yang terlalu berharga. Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri Britain, John Prescott ketika lawatan rasminya ke Malaysia telah menyatakan bahawa negaranya kagum dengan pencapaian kita memerangi ekstremisme dan mengekalkan keamanan. Menurut beliau, Britain, juga sedang melihat kepada Malaysia sebagai contoh terbaik dalam menguruskan masyarakat majmuk.

Demikianlah pengiktirafan antarabangsa tentang kejayaan Malaysia sehingga negara yang suatu masa dahulu pernah menjajah, kini melihat kepada pengalaman kita demi mencari penyelesaian masalah di negara mereka pula.

Keadilan dan toleransi sememangnya telah lama diamalkan di negara ini. Dalam usaha kerajaan menaik taraf sosioekonomi orang-orang Melayu dan bumiputera, kedudukan kaum Cina tidak pernah dikesampingkan.

Perangkaan menunjukkan purata pendapatan isi rumah kaum Cina bertambah daripada RM796 sebulan pada tahun 1976 kepada RM4,437 sebulan pada 2004. Sebaliknya pendapatan purata isi rumah kaum Bumiputera hanya meningkat daripada RM339 sebulan kepada RM 2,711 sebulan bagi tempoh yang sama.

Oleh itu, tertolaklah sama sekali tuduhan Lee Kuan Yew yang menyatakan bahawa bangsa Cina terpinggir di negara ini. Justeru, janganlah sesekali keterbukaan kita dianggap sebagai satu kelemahan. Bahkan, keterbukaan itulah formula kejayaan kita memerintah selama ini. Pendekatan murni ini telah sekian lama disambut baik oleh rakan-rakan bangsa lain dengan berganding bahu membangunkan Malaysia.

Tumbuh dan berkembang di atas asas negara yang stabil dan harmoni, UMNO terus bekerja keras memperkasakan Melayu. Janganlah kita berpuas hati dengan tahap kejayaan yang dicapai setakat ini kerana ia belum menyeluruh.

Memang benar matlamat awal kita adalah untuk melahirkan seramai boleh anak Melayu dalam pelbagai bidang profesional, namun angkanya belum mencecah bilangan yang dikehendaki. Jumlahnya perlu dicapai dengan apa cara sekalipun. Dalam masa yang sama, objektif kita adalah untuk melihat anak-anak Melayu melangkah lebih jauh dari itu.

Maksudnya tidak cukup dengan meraih ijazah-ijazah asas sahaja tetapi kita mahukan puluhan ribu lagi peguam, doktor, akauntan, arkitek serta jurutera Melayu yang memiliki kelayakan profesional tertinggi dalam bidang strategik yakni mencapai status pakar bertauliah dalam bidang masing-masing. Tidak cukup dengan seorang doktor biasa, anak Melayu perlu menjadi seorang doktor pakar. Tidak cukup mendapat ijazah perakaunan, anak Melayu perlu menjadi akauntan bertauliah. Tidak cukup sekadar bergelar jurutera, anak Melayu perlu berusaha sehingga menjadi doktor falsafah dalam bidang-bidang baru seperti teknologi nano.

Justeru, anak-anak Melayu kini telah teruji dari segi keupayaan fizikal dan sudah mula menunjukkan taring di arena yang melibatkan cabaran mental. Selain daripada pencapaian jurutera Petronas, seperti yang saya nyatakan di awal ucapan tadi, 17 orang jurutera anak Melayu yang lain pula terlibat dalam pembangunan projek mikro satelit yang dinamakan Razak-Sat.

Mereka juga berasal dari kampung-kampung seperti Kg. Lahar Ikan Mati, Kepala Batas Pulau Pinang; Kg. Gelong Bilal, Pasir Panjang Kuala Terengganu; Kg. Lancuk Emat, Pokok Sena Kedah dan Kg. Tengah, Batu Kikir Negeri Sembilan.

Kisah kejayaan lain adalah pentauliahkan sekumpulan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia di Perancis untuk mengendalikan kapal selam.

Begitulah kita juga amat berbangga dengan kejayaan yang bakal dicipta oleh calon-calon angkasawan iaitu Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed. Semua ini akan termaktub di dalam lipatan sejarah bahawa UMNO telah mencatatkan pencapaian yang begitu signifikan membina bangsa Melayu yang bermartabat.

Sebagai bukti kepada kejayaan mobiliti sosial menegak, ramai daripada anak Melayu yang sedang membuana di serata dunia ini adalah anak pekebun, penoreh, nelayan, peneroka, buruh, petani dan kakitangan rendah kerajaan yang telah diangkat darjatnya melalui sistem pendidikan kerajaan pimpinan UMNO. Demikianlah, dasar perjuangan UMNO telah membuahkan hasil dan impak yang sungguh membanggakan. Kalau dahulu orang menyindir bahawa kita tidak mungkin mampu menghasilkan hatta sebatang jarum pun.

Namun hari ini, kita telah berjaya membuktikan bahawa kemampuan anak Melayu itu terlatih bermula daripada mengendalikan kapal selam di dasar laut, mengungguli pelbagai teknologi di darat sehinggalah ke penerokaan angkasa lepas. Alhamdulillah, inilah nikmat, inilah hikmat, kurniaan yang melimpah-ruah daripada Allah s.w.t. kepada kita semua. Secara manusiawi, tidak ada sesiapa yang boleh menafikan bahawa parti yang telah memungkinkan semua ini berlaku adalah parti tercinta, parti UMNO, parti kita semua.

Pada tahun ini, UMNO genap usianya yang ke-60. Enam dasawarsa yang berlalu menyaksikan jasa, khidmat bakti dan pengorbanan murni para pemimpin serta ahli-ahli UMNO. Hasil perjuangan ini, telah membentuk asas yang konkrit bukan sahaja kepada parti bahkan sebenarnya kepada negara.

Bermula dari tapak yang tersedia itulah, UMNO terus bertatih, berjalan jatuh dan melangkah dengan cemerlang.

Menoleh sejarah, kita amat beruntung lantaran dianugerahkan pemimpin-pemimpin yang sesuai sejak dari dahulu hingga hari ini. Dalam tempoh setengah abad, seorang demi seorang pemimpin negara mengisi kemerdekaan dengan jayanya, mengatur strategi penuh teliti, menggubal dasar-dasar bagi menyusun semula masyarakat, mengagihkan kekayaan dan membasmi kemiskinan. Tradisi kepemimpinan ini diteruskan pula oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk membawa Malaysia ke kemuncak aspirasi iaitu mencapai status negara maju.

Seiring dengan kejayaan ini, pencapaian wanita Malaysia juga semakin membanggakan. Contohnya kini, wanita menjadi Ketua Trafik Bukit Aman, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Naib Canselor dua universiti, Hakim Besar Malaya, Gabenor Bank Negara, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian dan pelbagai lagi jawatan tertinggi dalam kerajaan dan sektor korporat termasuk tiga orang menteri kabinet. Ini membuktikan usaha untuk mencapai 30 peratus pembuat keputusan dalam sektor awam dan swasta agar diwakili oleh wanita semakin berjaya.

Mensyukuri segala kejayaan yang telah dikecapi, kita sebagai generasi penyambung tidak mempunyai pilihan, bahkan untuk terus menjunjung amanah perjuangan suci UMNO. Pada hemah saya, di persimpangan ini kita harus bertanya, adakah parti tercinta ini akan kekal disegani? Selain itu, bukankah kita semua, sebagai ahli-ahli parti perlu menghormati dan menjaga diri sendiri terlebih dahulu sebelum mengharapkan penghormatan daripada orang lain?

Jawapannya, setiap seorang daripada kita tanpa mengira jawatan, bertanggungjawab untuk menentukan bahawa UMNO itu terus dipandang mulia.

Inilah antara citra utama UMNO yang mesti dijadikan azimat perjuangan.

UMNO dan Barisan Nasional yang memerintah negara selama lima dekad secara berterusan tanpa henti merupakan satu rekod dalam sejarah politik seluruh dunia. Rekod ini wajar kita syukuri, kita hargai dan pertahankan demi meneruskan perjuangan yang suci untuk bangsa Melayu dan rakyat Malaysia.

Dalam surah al-Anfal ayat 60, Allah s.w.t. menyeru kepada orang-orang yang beriman antara lain bermaksud buatlah persiapan secukupnya dengan segala bentuk kekuatan atau dalam istilah bahasa Arab, 'quwwah' untuk menghadapi musuh di medan peperangan. Manakala mafhum sebuah hadis sahih pula, menyatakan bahawa seorang mukmin yang kuat itu adalah lebih baik daripada seorang mukmin yang lemah. Jika dikaji dalam konteks tafsiran semasa, ayat al-Quran dan hadis Nabi ini menuntut agar kita sentiasa bersedia dan mempersiapkan diri dengan segala bentuk kekuatan bagi menghadapi cabaran semasa.

### **Keajaiban**

Begitu banyak firman Allah yang menyeru manusia menggunakan akal fikiran untuk mentafsir kejadian alam. Ini membuktikan peri pentingnya minda atau akal sebagai satu keajaiban ciptaan Tuhan agar dimanfaatkan sepenuhnya bagi memandu pergerakan hidup kita dalam semua bidang di dunia.

Kalau dahulu, kekuatan diukur secara fizikal dan kuantiti. Contohnya berapa ramai bala tentera, berapa banyak hasil bumi atau berapa luas tanah yang dimiliki. Pada zaman ini pula, kekuatan yang lebih utama dan kritikal dalam menentukan kejayaan kepada organisasi, bangsa mahupun negara adalah keupayaan minda.

Sememangnya, keupayaan minda yang hebat membolehkan kita menggarap, mena'akul dan mencerap pelbagai permasalahan secara lebih intelektual, rasional dan berstrategi. Para cendekiawan dan sarjana menyebut bahawa kita wajar berfikir mengikut kerangka yang betul dan jelas untuk mencapai sesuatu kejayaan. Oleh itu minda orang Melayu wajar diasah dan diasuh agar berfikir menjauhi pertelagahan, mencintai keharmonian dan mencipta kegemilangan. Hanya dengan kerangka minda yang betul, kita dapat berhadapan dengan dunia serba mencabar.

Apabila kita membicarakan tentang minda atau akal, organ penting manusia yang dirujuk secara saintifik ialah otak. Otak manusia terdiri daripada hemisfera kiri dan hemisfera kanan dengan beratus bilion sel neuron yang boleh membuat hubungan interaksi umpama kuasa rangkaian komputer. Mitos popular menyebut bahawa manusia dilahirkan dengan genetik tertentu bersama saiz dan potensi otak serta keupayaan yang tidak boleh diubah lagi. Namun, fakta saintifik menyebut bahawa otak ialah organ yang sentiasa berkembang. Keupayaan serta keanjalannya boleh terus dibina melalui pemakanan, latihan dan pendidikan yang sempurna.

Bermula daripada otak yang sihat dan subur, terbentuklah minda, akal dan pemikiran yang merupakan kunci untuk membuka pintu kejayaan. Sebuah pepatah lama Cina, ada menyatakan bahawa yang menggerakkan tubuh badan bukanlah kaki tetapi sebenarnya minda dan fikiran. Bertolak dari situ, jika kita ingin maju gunakanlah kapasiti minda ke tahap optimum untuk bertarung di gelanggang dunia. Sesungguhnya pertarungan pada masa kini dan masa hadapan adalah pertarungan minda.

Minda tidak akan berubah secara alami atau semula jadi. Justeru, minda Melayu perlu dipacu dengan pembelajaran, latihan dan kaedah mengenai pemikiran positif, pemikiran lateral, pemikiran proaktif dan pemikiran mulia. Oleh yang demikian, kita perlu memacu minda Melayu melalui kepemimpinan transformasi, bekerja sebagai satu pasukan, menjayakan agenda Melayu, mempertahankan akidah dan memacu minda generasi muda.

### **Pertama: Memacu Minda Melayu Melalui Pemantapan Kepimpinan Transformasi.**

Sepanjang sejarah, kepemimpinan yang mantap adalah asas kepada pembentukan sesuatu tamadun. Kerana itulah, kita berhasrat memperkasakan kepemimpinan pada tahap yang terunggul iaitu kepemimpinan transformasi.

Kepemimpinan transformasi bermaksud keupayaan seorang pemimpin untuk menterjemahkan visi dan misinya dalam bentuk tindakan kepada mereka yang dipimpinnya.

Pada dasarnya, ia merupakan satu bentuk kepemimpinan yang menjana penambahbaikan ketara sehingga sesebuah masyarakat ditransformasi menurut visi dan misi kepemimpinan tersebut. Sebagai contoh terbaik kita boleh mengambil pengajaran daripada sirah Nabi Muhammad s.a.w. Rasulullah telah memacu minda umat pada ketika itu melalui kaedah kepemimpinan transformasi sehingga berjaya mengubah sama sekali masyarakat Arab jahiliah menjadi sebuah masyarakat yang tersusun lagi bertamadun. Kejayaan kepemimpinan Rasulullah s.a.w. ini turut diperakui oleh ramai cendekiawan Barat.

Jelasnya, kehebatan seseorang pemimpin bukan sahaja dinilai kepada dirinya, tetapi dinilai kepada keupayaannya bekerja secara kolektif dengan yang dipimpin. Bekerja secara kolektif dengan semangat sepasukan adalah prinsip yang wajar diteladani oleh semua dalam memacu minda Melayu ke arah kejayaan.

Dalam konteks semasa, aspek paling penting yang dikaitkan dengan kepemimpinan transformasi, ialah prestasi pencapaian. Ia sebenarnya sinonim dengan kepemimpinan cemerlang. Waima, seorang pemimpin agung seperti Iskandar Zulqarnain pun tidak akan mampu untuk memimpin bala tenteranya jika

dia tidak menunjukkan prestasi pencapaian cemerlang, semasa mengepalai pertempuran dan menakluki wilayah baru.

Pada zaman moden ini, tuntutan kepada prestasi pencapaian yang cemerlang amatlah penting. Seperti mana sebuah perumpamaan Inggeris menyebut *Vision without action is just a dream and action without vision is meaningless*. Ertinya wawasan tanpa tindakan hanyalah mimpi di siang hari dan tindakan tanpa wawasan amatlah sia-sia. Kepemimpinan transformasi menggabungkan wawasan dan tindakan dalam segala urusan. Melalui kepemimpinan transformasi, bangsa dan negara kita boleh membuat lonjakan berganda, ke arah mencapai kemajuan tahun 2020 nanti. Justeru, kita perlu memacu minda Melayu melalui aspek kepemimpinan transformasi yang dinamik demi kesinambungan perjuangan.

### **Kedua: Memacu Minda Melayu Ke Arah Bekerja Sebagai Satu Pasukan**

*Tiada masa kita bertelagah,*

*Jangan dicari buruk musibah,*

*Kelak akhirnya membawa padah,*

*Bersatulah kita sepenuh tekad,*

*Sepasukan dengan tinggi semangat,*

*Moga perjuangan membawa berkat.*

Pengasas UMNO, Datuk Onn Jaafar berpesan: “Kita berkehendak supaya tanah air dan bangsa kita terselamat dan kuat dan hanyalah boleh kuat jika bersatu padu.” Namun, sayang sekali sekiranya kita memilih untuk berpecah dan membawa haluan masing-masing. Maka musnahlah wawasan tidak kesampaian, hancur cita di hujung jalan, perjuangan suci tinggal kenangan. Oleh yang demikian, di dalam dewan yang bertuah ini saya ingin mengingatkan diri saya dan kita semua tentang peri pentingnya mengamalkan konsep kerja sepasukan.

Oleh itu, perkara utama untuk mengukuhkan parti adalah dengan memacu minda ahli untuk mengamalkan konsep kerja sepasukan berteraskan konsep jemaah seperti yang diterapkan oleh Rasulullah s.a.w. Dari sudut bahasa, jemaah itu membawa erti persatuan dan lawannya ialah perpecahan. Konsep jemaah menyeru kita menjauhi diri daripada perpecahan dan pemulauan sesama kita. Menurut mafhum hadis, berjemaah itu adalah rahmat dan berpecah itu adalah azab.

Maka, konsep kerja sepasukan menuntut kita lebih bersikap toleransi untuk menerima pelbagai pandangan mahupun kritikan secara terbuka dan berlapang

dada. Kata orang bersatu dalam perkara yang kita sepakati, bermusyawarahlah dalam perkara yang kita selisih. Dengan bergerak sebagai satu pasukan yang saling memahami dan menghormati, kita dapat menolak anasir yang boleh memecahbelahkan kesatuan. Selain itu, setiap ahli dan pucuk pimpinan hendaklah saling nasihat-menasihati antara satu sama lain.

Ini amat selaras dengan prinsip bahawa kepentingan parti mengatasi kepentingan individu.

### **Ketiga: Memacu Minda Demi Menjayakan Agenda Melayu**

Agenda Melayu adalah kerja utama UMNO dalam memartabatkan bangsa tercinta. Menyingkap sejarah, kita dijajah mulai tahun 1511 hingga tahun 1957. Selama 446 tahun itu, lambakan hutang negara kepada bangsa Melayu tidak mungkin terbayar hanya dalam masa 20 atau 30 tahun. Bila berjuang untuk kepentingan orang Melayu, kita ingin menegaskan bahawa tiada had masa yang ditetapkan untuk mencapainya. Selagi belum berjaya, selagi itulah kita akan terus berusaha dengan segala kuasa dan kudrat yang ada demi membela nasib bangsa. Sementelahan itu juga, apa yang ingin kita tuntutan adalah hak kita dan hak sebagai sebuah bangsa tanpa menafikan hak kaum-kaum lain di negara ini.

Baru-baru ini terdapat hasil penyelidikan yang menyimpang bahawa tahap pegangan ekuiti bumiputera telah pun melepasi angka 45 peratus dibandingkan dengan angka 18.9 sebagai peratusan sebenar pegangan bumiputera. Hujah 45 peratus itu amat tidak realistik disebabkan rumusan fakta kajian yang tidak tepat. Contohnya mereka mengambil kira bahawa syarikat berkaitan kerajaan seperti Petronas, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional sebagai syarikat milik bumiputera sedangkan ia adalah milik kerajaan.

Untuk makluman, angka 18.9 peratus yang dikeluarkan kerajaan adalah berdasarkan kepada data hampir 600,000 syarikat, dibandingkan kaedah mereka yang hanya mengkaji 1,000 syarikat di Bursa Malaysia. Mujurlah dakwaan sedemikian telah pun disangkal oleh ahli politik, cendekiawan, usahawan Melayu, lebih-lebih lagi Perdana Menteri sendiri. Seperti yang telah saya tegaskan jangan ada sesiapa yang cuba menyindir kononnya kerajaan tidak telus dalam memberikan data tentang ekuiti pencapaian bangsa Melayu.

### **Menggembeleng**

Pentingnya kita tidak harus lupa bahawa pengagihan adil yang dipertahankan ini, hanya bermakna sekiranya negara dapat terus menjana kadar pertumbuhan yang mapan dan lestari. Dalam konteks ini, kita meminta agar kaum lain bersama-sama menjadi rakan kongsi tulen menggembeleng tenaga dalam membina ekonomi yang menguntungkan semua pihak. Di sinilah letaknya cabaran yang besar untuk memacu minda Melayu bagi menguasai pelbagai bentuk kekayaan yang baru tanpa bertumpu kepada pegangan ekuiti atau saham

semata-mata. Orang Melayu mestilah melipat- gandakan kekayaan melalui penguasaan hartanah yang bernilai tinggi di bandar-bandar, instrumen kewangan seperti bon dan modal teroka, harta intelek serta aset di luar negara.

Orang Melayu perlu berani bertarung minda dalam persekitaran global. Berlumbalah untuk mendapatkan pekerjaan yang berteras dan berdaya ilmu sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kepada usahawan Melayu, rebutlah peluang perniagaan hingga ke peringkat antarabangsa yang terbentang luas.

Kita mahu orang Melayu terlibat secara langsung dalam proses mencipta kekayaan sendiri tanpa mengharapkan kekayaan agihan orang lain apatah lagi daripada kerajaan semata-mata. Janganlah terlalu bergantung kepada peluang daripada perbelanjaan sektor awam kerana peluang daripada sektor swasta adalah jauh lebih besar. Faktanya, perbelanjaan sektor swasta adalah berkali ganda berbanding sektor awam.

Suka saya berkongsi, satu strategi pemikiran terkini diperkenalkan oleh Profesor W. C. Kim dari Korea Selatan yang dinamakan Strategi Laut Biru dalam bukunya Blue Ocean Strategy. Kaedah yang menggunakan strategi laut biru dan lawannya laut merah bertujuan memacu minda kita untuk berinovasi, menjadi kreatif, berfikiran ke hadapan menerokai bidang baru yang sukar ditembusi oleh pesaing perniagaan. Contoh perbandingan, mengusahakan penerbangan khidmat penuh adalah penerokaan di laut merah kerana telah banyak persaingan manakala menawarkan penerbangan tambang murah seperti Air Asia adalah penerokaan laut biru.

Contoh yang lain ialah mengusahakan rangkaian televisyen biasa adalah penerokaan laut merah, sementara mengendalikan rangkaian televisyen berbayar adalah penerokaan laut biru. Perniagaan warung-warung kopi di tepi jalan adalah penerokaan laut merah tetapi membuka rangkaian kafe moden ala Starbuck atau Coffee Bean di lokasi strategik adalah penerokaan laut biru. Oleh itu, usahawan Melayu eloklah mengambil pendekatan strategi laut biru agar boleh berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya untung serta berjaya dalam persaingan yang semakin sengit.

Ingin ditegaskan di sini, Agenda Melayu adalah satu gagasan besar yang melibatkan pelan tindakan bangsa untuk menjadi hebat dalam pendidikan, kuat dalam ekonomi, mantap pada aspek sosial dan terbilang di pentas dunia. UMNO benar-benar serius dalam melunaskan aspirasi agenda Melayu dan tidak akan sekali-kali berundur sehingga matlamat itu tercapai.

Sebabnya, kita tidak mahu bila muncul sinar mentari pagi pada 1 Januari 2020 nanti, bangsa Melayu berdemonstrasi di Putrajaya, meraung di seluruh negara, agar jangan diumumkan Malaysia ini sebagai negara maju lantaran bangsa Melayu masih belum maju lagi.

Kerana itulah, perjuangan UMNO dalam membela agenda pendidikan orang Melayu akan diteruskan. Sebagai contoh pada perhimpunan tahun lalu, disarankan supaya Universiti Teknologi Mara (UiTM) menambah bilangan pelajar kepada 200,000 orang menjelang tahun 2010 berbanding jumlah kini iaitu seramai 100,000 orang. Kita bersyukur kerajaan yang diterajui oleh UMNO telah meluluskan peruntukan lebih RM3 bilion bagi tujuan tersebut.

Konsep pendemokrasian pendidikan pula akan diberikan tumpuan demi mewujudkan peluang yang saksama kepada pendidikan berkualiti atau equal access to quality education. Kalau dahulu kita berusaha keras untuk mewujudkan peluang-peluang pendidikan secara meluas, sekarang ini perjuangan kita ialah untuk memastikan pendidikan yang diberikan adalah berkualiti dari segi prasarana, alat pembelajaran dan terutamanya guru-guru yang mengajar.

Sesungguhnya, pencapaian anak Melayu dalam pendidikan luar bandar boleh dilonjakkan dengan adanya guru-guru yang berkualiti. Hatta sekolah yang daif prasarana seperti di persisiran sungai, sepanjang parit dan di kaki bukit pun boleh diubah menjadi lebih ceria dan menarik hasil usaha kreatif guru-guru ini. Bila ini terlaksana, barulah hasrat untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama, melalui proses pendidikan yang berkualiti akan tercapai.

Sebagai susulan kepada gema suara Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu, sukacita dimaklumkan bahawa kita telah menginstitusikan agenda Melayu.

Antaranya kita telah menubuhkan 12 kumpulan utama dalam pelbagai bidang untuk merangka inisiatif khas agenda Melayu. Baru-baru ini kerajaan telah mengambil langkah membentuk Lembaga Kemajuan Bandar bagi menghidupkan semula fungsi asal Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) memperkasakan ekonomi orang Melayu di bandar.

Menurut statistik tahun 2005 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, bangunan dan premis komersial yang dimiliki oleh bumiputera hanya 11.7 peratus dibandingkan dengan kaum Cina 71 peratus.

Bertolak dari sinilah, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dibentuk dengan modal awal sebanyak RM2 bilion bagi memastikan pegangan hartanah yang tidak dapat dibeli oleh individu Melayu dapat diperolehi dengan dana secara berkumpulan. Selain itu, melalui pelbagai inisiatif khusus, penglibatan bumiputera di Bursa Malaysia akan dipertingkatkan secara keseluruhannya.

Jelasnya, agenda Melayu akan terus diperkasakan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Apa juga yang perlu untuk kemajuan Melayu, kita akan perjuangkan agar ia segera dilaksanakan dan segera dibina.

Mustahaknya, amanah keramat itu jangan diselewengkan, jangan ditiriskan dan jangan sekali-kali diabaikan. Di peringkat tertinggi Perdana Menteri telah mengetuai sebuah Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) sebagai tanda komitmen beliau untuk melaksanakan agenda Rancangan Malaysia Kesembilan dengan jayanya.

Jentera pelaksana khasnya pegawai dan kakitangan kerajaan mestilah terus berdedikasi dalam pekerjaan, kurangkan kerenah birokrasi, gandakan kerjasama dengan pihak swasta dan berilah perkhidmatan melampaui kebiasaan demi mencapai kemajuan. Di samping itu, pimpinan parti di semua peringkat hendaknya menjadi mata yang tidak buta, telinga yang tidak tuli dan mulut yang tidak bisu untuk membina maruah bangsa.

### **Keempat: Memacu Minda Melayu Dengan Mempertahankan Akidah**

Mutakhir ini kita dihadapkan dengan pelbagai isu yang mencabar kesucian agama Islam. Kita saksikan meningkatnya kes-kes ajaran sesat, murtad dan tentangan terhadap peruntukan-peruntukan perlembagaan yang berkaitan agama Islam khususnya Perkara 11 dan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Kesemuanya mempamerkan bibit-bibit penghinaan kepada kesucian agama Islam dan percubaan untuk menggoncang akidah umat.

Amaran kita kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, padamkan segera api yang boleh meleburkan keharmonian antara kaum dan agama. UMNO menentang sekeras-kerasnya penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) yang boleh menggugat keharmonian di negara ini. Pokoknya, persoalan tentang agama adalah isu sensitif yang wajar difahami oleh semua pihak. Justeru, berhati-hatilah menangani hal ini demi mengekalkan perpaduan kaum. UMNO akan teguh dengan pendiriannya sebagai pembela agama Islam di Malaysia.

Sesungguhnya, peranan keluarga amat penting dalam mempertahankan akidah. Setiap ahli keluarga Melayu iaitu ibu, bapa dan anak-anak hendaklah mendalami ajaran Islam dan menjadikannya sebagai cara hidup.

Dengan persekitaran yang semakin mencabar, membina keluarga yang bahagia bukanlah mudah. Ini benar kerana, anak-anak kini terdedah dengan pelbagai budaya yang memerlukan tapisan serta saringan. Oleh sebab itu, selain ilmu agama, ibu bapa wajar mempunyai kemahiran keibubapaan.

Anak-anak perlu diasuh minda dan dibina sahsiah serta keperibadian diri yang seimbang seawal peringkat kelahiran. Itulah sebabnya sebuah majlis khas untuk pendidikan awal kanak-kanak di tempoh enam tahun pertama telah ditubuhkan. Untuk itu, semua pihak khususnya Wanita dan Puteri disarankan agar mengambil inisiatif untuk bersama membantu menjayakan program yang mulia ini. Hanya dengan pendidikan yang sempurna dan pemahaman Islam yang jelas

akan melahirkan masyarakat yang berpaksikan akidah yang betul. Dengan berpegang kepada ajaran agama dan akidah kukuh yang dipertahankan, maka umat Islam di negara ini dapat menuju al-falah seterusnya menjadikan kita sebagai negara Islam contoh yang dihormati oleh rakan dan lawan.

### **Kelima: Memacu Minda Generasi Muda Melayu**

Setelah saya nyatakan empat aspek pemacuan minda itu, persoalannya sekarang di manakah letaknya anak-anak muda bangsa kita dalam konteks persediaan menempuh cabaran masa kini dan hadapan. Jika disingkap, peranan generasi muda sememangnya terserlah dalam sejarah manusia itu sendiri.

Golongan muda boleh menjadi pelopor kepada suatu kebangkitan dan menjadi penggerak kepada arus perdana perubahan masyarakat.

Sejarah telah merakamkan nama-nama anak muda yang hebat seperti Muhammad Al Fateh yang telah membuka Kota Konstantinopel ketika berusia 21 tahun dan Usamah bin Zaid yang hanya berusia 18 tahun semasa memimpin bala tentera untuk menyerang kerajaan Rom. Jelasnya transformasi sesebuah masyarakat dan tamadun didukung kuat oleh generasi muda. Menyongsong sejarah negara kita, tokoh-tokoh tanah air seperti Allahyarham Tun Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn, Allahyarham Tun Ghaffar, Tun Fatimah Hashim dan Tan Sri Aishah Ghani juga tergolong dalam kumpulan berusia muda ketika mereka memperjuangkan kemerdekaan dan mewarisi negara yang berdaulat.

Menariknya, pada masa itu kebanyakan mereka berada dalam lingkungan umur 20-an dan awal 30-an lebih kurang seusia dengan ramai Pemuda, Puteri dan Putera dalam dewan ini.

Malangnya kini, generasi muda yang sepatutnya menjadi barisan hadapan, begitu mudah terpengaruh dengan asakan-asakan negatif. Ramai yang hidup penuh hedonistik tanpa bertunjangkan agama, budaya mahupun adat.

Realitinya juga kita berhadapan dengan masalah keciciran persekolahan, najis dadah, HIV Aids, mat rempit, leka dengan hiburan melampau yang mencabar keteguhan akidah anak-anak muda. Kesemuanya ini amat menyedihkan dan mencerminkan minda kelas ketiga. Hal kebejatan sosial ini menjadi antara faktor utama yang merendahkan taraf dan merugikan kita sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab UMNO membendung permasalahan tersebut dengan memacu minda generasi muda ke arah

pemikiran baru dan sikap yang positif. Program-program kreatif yang memupuk nilai-nilai murni di kalangan anak-anak muda perlu dilaksanakan oleh semua organisasi. Inilah pelaburan bijak demi kebaikan masa hadapan agar pencapaian umat Melayu ditingkatkan dan kegagalan Melayu dikurangkan.

Kepada generasi muda, usah bertanya sumbangan negara kepada anda yang sememangnya telah banyak dilimpahkan. Jadilah anak-anak muda yang berjasa kepada negara, berkhidmat dengan penuh semangat. Di atas segalanya, apa yang kita usahakan adalah untuk memastikan bahawa generasi pewaris negara kelak bukan zuriat yang lemah sebaliknya merupakan satu generasi yang kuat dan berwibawa.

Tradisi UMNO adalah memberi ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada pucuk pimpinan. Tradisi UMNO mementingkan musyawarah untuk menjamin perpaduan. Kita mesti memberikan sokongan padu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri. Itulah tanda kesepakatan perjuangan dengan semangat sepasukan yang padu. Itulah tanda kesetiaan demi mencapai wawasan yang jitu.

## **Berjasa**

Pemimpin datang dan pergi silih berganti. Setiap Perdana Menteri telah berkhidmat, berbakti dan berjasa dalam zaman dan era tersendiri yang telah terpahat dengan tinta emas sejarah. Generasi kini amat menghargai setiap idea, sumbangan fikiran, dasar-dasar kecil dan besar yang telah mengubah landskap sosiopolitik negara bangsa kita. Jasa para pemimpin tinggi nilainya. Hormat kita kepada mereka tiada taranya.

Namun, kerunsingan terserlah apabila pimpinan yang disanjung mula bertelagah. Kebimbangan kita pun bertambah apabila pembangkang mula mengambil kesempatan. Alangkah lega dirasakan jika kita diberi peluang untuk membina bangsa dan negara tanpa cabaran seumpama ini. Mampukah kita bercanggah sedangkan impian dan wawasan tinggal 13 tahun cuma, untuk dipenuhi? Mampukah kita bersengketa jika anak bangsa masih belum gagah di bumi sendiri? Pertelagahan akan berakhir dengan perpecahan. Dari itu, tinggi harapan kepada semua yang cintakan agama, bangsa, dan negara agar cahaya perdamaian akhirnya nanti menyinari suasana yang muram.

Kita bertekad untuk memacu minda Melayu dalam rangka membina generasi yang mengamalkan budaya cemerlang. Pemacuan minda Melayu mementingkan nilai-nilai murni seperti amanah, bijaksana, cekap dan dedikasi. Pendek kata, sikap sambil lewa, ambil mudah, tidak apa, ala kadar, hentam kromo, semberono dan cincai perlu dikikis daripada minda orang Melayu.

Ingatlah, semua orang boleh menjadi hebat. Rahsia kehebatan sebenarnya adalah bekerja kuat disertai dengan latihan terancang yang bertubi-tubi dan

habis-habisan (deliberate practice), bak kata orang Kedah 'habih pulun' atau kata orang Kelantan 'habih reng'. Ia melibatkan pelaksanaan aktiviti secara intensif, berterusan dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki prestasi pencapaian berasaskan kerangka minda yang betul berserta doa dan tawakal. Insyallah kita akan berjaya. Kita juga inginkan budaya cemerlang ini dipraktikkan dalam diri, keluarga, sekolah, pejabat, parti, perniagaan dan kehidupan seharian. Terbukti, dalam persaingan dunia mencabar, hanya mereka dengan keupayaan minda yang hebat, sanggup bekerja kuat dan mengamalkan nilai murni akan kekal cemerlang.

Sesungguhnya, Malaysia berada pada satu titik di garisan berlandaskan Gagasan Islam Hadhari yang dipelopori oleh Perdana Menteri. Kita dituntut membuat satu perubahan besar kepada cara gaya pemikiran dengan meninggalkan corak pemikiran yang kolot.

Umat Islam hendaklah menjadi umat yang terbaik, umat yang terbilang.

Sebagai khairul ummah kita ingin membina tamadun yang hebat demi kesejahteraan serta hasanah di dunia dan hasanah di akhirat.

Jika dinukilkan rasa cinta kepada agama dan bangsa; ayuh dimeteri dengan tinta bersalut emas dan bertatahkan permata.

Jika bertarung untuk mengangkat martabat negara dan negeri; biar lurah dituruni, gunung didaki hatta merentas lautan api.

Jika wawasan dan misi suci untuk Agenda Melayu yang diimpikan; segera kita bersatu, hentikan pertelagahan dan kukuhkan benteng perjuangan.

Jika negara tercinta Malaysia ini dipertaruhkan; biar keringat, darah dan air mata bersama semangat perwira kita pertahankan.

Jika kecemerlangan anak bangsa yang dituju; ayuhlah kita Memacu Minda Melayu.

Sumber: [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)